

## **KENYATAAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

# **PERKHIDMATAN LALUAN KELANA JAYA KEMBALI PULIH BERMULA JAM 1.14 PETANG**

**KUALA LUMPUR, 22 Mac 2025** – Rapid Rail Sdn Bhd ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan Laluan Kelana Jaya telah kembali pulih sepenuhnya pada jam 1.14 petang dan perkhidmatan tren alternatif telah ditamatkan.

Kejadian yang dilaporkan berlaku pada jam 10.44 pagi tadi disebabkan gangguan mekanikal pada salah satu komponen landasan di platform 2 Stesen KLCC menghala ke Putra Heights.

Pihak operasi terpaksa menghentikan bekalan kuasa di kawasan terbabit bagi membolehkan kerja-kerja pemeriksaan dan baik pulih dijalankan secepat mungkin.

Pada jam 1.05 petang, kerja-kerja baik pulih telah berjaya diselesaikan oleh pasukan kejuruteraan Rapid Rail. Pihak operasi turut menjalankan ujian terhadap sistem dan komponen landasan bagi memastikan perkhidmatan laluan ini boleh beroperasi semula mengikut piawaian keselamatan.

Walaupun bagaimanapun, pihak kejuruteraan dan operasi akan terus melakukan pemantauan bagi memastikan kelancaran operasi tren. Siasatan menyeluruh sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca gangguan ini.

Rapid Rail ingin berterima kasih kepada penumpang di atas kesabaran sepanjang gangguan perkhidmatan ini.

**\*TAMAT\***